



Mengapakah Penggunaan

Perlu Dikawal?



Jika dibandingkan dengan sektor pengeluaran, segmen penggunaan sangat kurang kerana tertakluk pada kawal selia dan peraturan pasaran. Keadaan ini terjadi akibat teori ekonomi moden yang menyatakan pengguna adalah rasional, maka mereka bijak membuat keputusan berkenaan pembelian barangan dan perkhidmatan. Pengguna juga akan sentiasa berusaha untuk memaksimumkan kepuasan peribadi melalui sumber kewangan yang ada. Oleh itu, pengguna sentiasa membuat keputusan yang memberikan kebaikan kepada dirinya. Penggunaan juga dianggap bersifat individu. Dalam banyak hal, faedah dan kesan buruk daripada penggunaan hanya terakru kepada individu dan isi rumah yang berkenaan

sahaja dan dianggap tidak memberikan kesan kepada masyarakat umum. Kalaupun ada, kesannya dianggap tidak begitu membimbangkan.

Bagaimanapun, realiti menunjukkan keadaan yang sebaliknya. Tanpa disedari, penggunaan juga memberikan kesan negatif. Kesan buruk daripada penggunaan dapat dilihat dari dua sudut, iaitu dari sudut penggunaan secara berlebihan dan kecenderungan bersaing untuk menonjolkan status.

Dewasa-ini, kita memiliki perubahan budaya lantaran masyarakat dilimpahi kemakmuran ekonomi. Kita mengabaikan amalan berijmat cermat yang diamalkan oleh generasi terdahulu. Seiring dengan pendapatan per kapita yang semakin meningkat, kita memiliki keupayaan atau kuasa beli yang semakin tinggi. Sayangnya, sebahagian daripada peningkatan kuasa beli ini digunakan untuk membeli secara melampau atau membeli lebih daripada keperluan.

Contoh yang ketara dapat kita lihat daripada laporan kajian yang menyatakan betapa banyaknya makanan siap yang berakhir di dalam tong sampah.

ctr. no = 0000275350

ECO 2017/A07

Misalnya, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp), sebuah perbadanan yang ditubuhkan untuk mengawal selia bahan buangan mendedahkan sejumlah 38 ribu tan bahan buangan dihasilkan oleh rakyat Malaysia setiap hari. Daripada jumlah ini, 15 ribu tan merupakan sisa buangan makanan dan lapan ribu tan daripada makanan ini merupakan makanan yang boleh dielakkan daripada dibuang. Untuk membayangkan sebanyak mana makanan berjumlah lapan ribu tan, jumlah tersebut jika dikumpulkan dalam masa 18 hari, boleh memenuhi Menara Berkembang Petronas.

Seterusnya, 3000 tan daripada jumlah itu pula merupakan makanan yang boleh dimakan, dan makanan sebanyak ini boleh menampung kira-kira dua juta orang sehari. Kadar pembuangan sisa ini pula meningkat hampir 50 peratus pada musim perayaan. Sumber sisa makanan yang utama termasuklah daripada isi rumah, diikuti oleh pasar-pasar malam dan restoran. Demikianlah statistik yang menunjukkan tabiat penggunaan yang melampau dari sudut makanan. Malahan, statistik ini dianggap membimbangkan jika diukur menggunakan standard pembaziran makanan dunia.

Kesan negatif daripada pembaziran makanan turut melibatkan kos pengurusan buangan sisa makanan yang semakin meningkat. Peningkatan kos pengurusan menyebabkan kekurangan sumber untuk kegunaan lain yang lebih produktif, sedangkan perbelanjaan ini sepatutnya boleh dielakkan dengan mengamalkan sikap berbelanja secara berhemah dan terkawal. Setakat tahun 2013, kos pengurusan sumber buangan pepejal yang ditanggung oleh SWCorp mencecah RM1.6 bilion, dan 45 peratus daripada buangan pepejal ialah sisa makanan.

Selain membeli melebihi keperluan, penggunaan melampau juga berlaku dari aspek membeli barangan keperluan khususnya bahan makanan untuk kegunaan yang tidak sepatutnya. Contoh yang ketara meliputi pembelian gula untuk dibuat bahan hiasan kek yang tidak dimakan; penggunaan air terawut yang banyak untuk mengairi kolam bagi mereka bentuk halaman

rumah serta penggunaan bijirin seperti jagung dan barli untuk dijadikan bahan dekorasi.

Kombinasi gelagat pembelian melampau menyebabkan permintaan ke atas barangan meningkat. Kita tidak perlu merujuk teori ekonomi yang kompleks untuk memahami kesan selanjutnya. Malah, orang awam juga mudah memahami apabila masyarakat mahu membeli banyak barang, maka keadaan ini akan memberikan tekanan kepada harga. Harga barangan akan meningkat. Semakin berleluasa tabiat berbelanja secara melampau, semakin tinggi harga barangan dengan andaian tahap ketersediaan barangan kekal sama. Perlu diingatkan bahawa dalam keadaan sumber yang semakin terhad, pertambahan pengeluaran barangan turut melibatkan peningkatan kos. Agak sukar untuk menghujahkan peningkatan harga tidak akan berlaku sekiranya kita dapat meningkatkan ketersediaan barangan secara seiring.

Lebih membimbangkan, kesan peningkatan harga barangan dalam banyak keadaan tidak seimbang kepada masyarakat. Memang benar, kenaikan harga akan melibatkan semua pihak. Walau bagaimanapun, kebiasaannya golongan yang menggunakan secara melampau ialah golongan yang mempunyai kuasa beli yang tinggi. Mereka mungkin tidak akan begitu terkesan dengan kenaikan harga barangan. Sebaliknya, golongan yang berpendapatan rendah berasa terhimpit dengan kenaikan harga barangan, apatah lagi harga barangan keperluan asas. Kesan ini akan lebih ketara dalam keadaan ekonomi yang menghadapi masalah agihan pendapatan yang semakin melebar. Lantaran itu, tabiat berbelanja yang melampau perlu dikendalikan kerana secara tidak sedar boleh membawa kesan negatif khususnya kepada golongan berpendapatan rendah.

Sejak kebelakangan ini, kita sering disogokkan dengan berita kenaikan harga barangan keperluan asas dan kos hidup keseluruhannya yang semakin membebaskan. Tanpa menafikan peranan faktor-faktor lain, faktor penggunaan melampau turut menyumbang kepada permasalahan semasa. Oleh itu, sebagai

pengguna khususnya golongan yang memiliki kuasa beli, kita perlulah merancang perbelanjaan supaya tidak melampaui keperluan agar masalah pembaziran sumber dan kenaikan harga dapat dikurangkan demi kebaikan sejagat.

Kesan seterusnya daripada penggunaan melampau termasuklah menyebabkan herotan penggunaan sumber dalam masyarakat. Dalam sistem ekonomi pasaran, peniaga yang bertujuan untuk memaksimumkan untung akan bertindak mengikut isyarat pengguna. Isyarat daripada pengguna merupakan permintaan yang dikemukakan oleh pengguna, yang diterjemahkan menerusi wang yang sanggup dibelanjakan untuk sesuatu barangan atau perkhidmatan. Sekiranya wujud permintaan daripada pengguna, pengeluar akan menyediakan barangan tersebut di pasaran berdasarkan kuantiti yang dikehendaki oleh pengguna. Dalam usaha mencari keuntungan, pengeluar cenderung untuk mengeluarkan lebih daripada apa-apa yang diminta. Selain herotan sumber, satu masalah lain yang timbul ialah lebih pengeluaran apabila sebahagian daripada sisa buangan dalam bentuk makanan yang telah luput tarik turut dilupuskan oleh pengeluar atau peniaga.

Herotan penggunaan sumber juga berlaku dalam bentuk pengurangan peruntukan bagi sektor produktif seperti tabungan untuk masa hadapan dan

pelaburan. Kecenderungan terhadap penggunaan secara berlebihan menyebabkan hampir semua pendapatan semasa digunakan untuk perbelanjaan pada hari tersebut sahaja. Dari sudut makro, pelaburan yang rendah dalam sesebuah ekonomi boleh membantutkan prospek pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Seterusnya, bagi isi rumah, adakalanya berlaku penggunaan melampau khususnya untuk penggunaan yang dilakukan bagi menunjukkan status mewah seperti minum di kafe mewah dan eksklusif, serta mengadakan majlis hari lahir untuk anak dan membeli pakaian berjenama menyebabkan perbelanjaan penting lain seperti tabungan dan insurans diabaikan.

Kesan daripada penggunaan turut mencambahkan rasa iri hati terhadap golongan lain, khususnya

golongan yang berpendapatan lebih rendah. Hal ini menyebabkan kecenderungan untuk menggalakkan budaya penggunaan seragam. Penggunaan seragam merupakan penggunaan yang melebihi keperluan dan dilakukan dengan tujuan untuk menonjolkan status sosial seseorang. Penggunaan yang berlebihan, misalnya membeli tas tangan berjenama yang berharga ribuan ringgit atau mengadakan majlis perkahwinan di hotel lima bintang dengan khidmat perunding perkahwinan



Wang ringgit bukanlah isu besar bagi golongan mewah.



Langkah berjimat cermat amat perlu untuk mengelakkan pembaziran.

